

PM terima anugerah UCI

UAI 4/10/03

HAMILTON, Ontario – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menerima anugerah merit Kesatuan Basikal Antarabangsa (UCI) semalam kerana sumbangan besarnya dalam sukan basikal dunia.

Anugerah itu akan disampaikan kepada Dr. Mahathir minggu depan oleh Presiden Konfederasi Berbasikal Asia (ACC) yang juga Ahli Lem-

baga Pengurusan UCI, Datuk Seri Darshan Singh.

UCI dalam kenyataannya berkata, selama 22 tahun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, beliau telah menyokong pembangunan sukan basikal dunia dan menjadi pengasas kepada perlumbaan basikal yang penting di Asia, Le Tour de Langkawi (LTdL) Sementara itu di Kuala Lumpur, Timbalan Presiden Persekutuan Berbasikal Malaysia (PKBM), Datuk Naim Mohamad berkata, PKBM mengemukakan permohonan itu menerusi Konfederasi Berbasikal Asia (ACC) kepada UCI minggu lalu.

“ACC yang telah bermesyuarat pagi semalam di Hamilton telah bersetuju memberikan anugerah tersebut kepada Dr. Mahathir kerana jasanya membawa LTdL yang diiktirafkan sebagai perlumbaan ketiga terbesar di dunia,” katanya.

Anugerah ini adalah istimewa kerana setakat ini hanya tiga tokoh daripada benua ini menerima anugerah tertinggi persatuan basikal dunia kerana jasa mereka membangunkan sukan lumba basikal di negara ini dan di peringkat dunia.

“PKBM juga akan mengadakan Cabaran Genting pada 19 Oktober ini untuk meraikan penghormatan UCI kepada Dr. Mahathir dan ia terbuka kepada semua peminat sukan itu.”

“Ini adalah satu cabaran simbolik untuk para peserta yang akan menyertai perlumbaan itu yang bermula dari Batang Kali ke Genting Highlands,” katanya.